

AMARAH ANAK MUDA

Ibu bapa sibuk, perbalahan keluarga jadi punca masalah sosial remaja

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

KESIBUKAN ibu bapa hingga lupa tanggungjawab terhadap anak dan tiada persefahaman hingga kerap berlaku perbalahan dalam keluarga menjadi antara punca peningkatan masalah sosial di kalangan remaja.

Pegawai Latihan Institut Sosial Malaysia (ISM), Desa Mat Rabi, berkata selain itu, faktor utama penyumbang masalah sosial adalah kesilapan memilih kawan dan pengaruh rakan sebaya.

"Selalunya, remaja lebih mudah percaya dan cenderung meluahkan masalah kepada rakan sebaya berikutan peranan rakan dilihat lebih rapat dan memahami mereka berbanding ahli keluarga.

"Bagi remaja, rakan sebaya memberi lebih kebahagiaan dan kegembiraan kepada mereka tanpa menyedari pergaularan antara mereka

menjadi faktor penyumbang gejala tidak sihat seperti amalan seks bebas, seks rambang, penggunaan dadah dan alkohol.

"Media massa turut memainkan peranan menerusi penyangan filem berunsur negatif, rancangan hiburan, alat komunikasi dan media berunsur sosial tanpa sempadan dikatakan mempengaruhi emosi kanak-kanak dan remaja untuk mencuba pengalaman baru dalam hidup mereka," katanya ketika menyampaikan ceramah mengenai punca Masalah Sosial Remaja Masa Kini pada Forum Seksualiti Remaja

di

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 10 Mei lalu.

Forum itu dianjurkan Pusat Remaja kafe@TEEN Lembah Pantai. Ia dihadiri lebih 200 pelajar Fakulti Ekologi Manusia UPM.

Majlis itu dianjur berikutnya isu seksualiti remaja dan



gejala sosial terutama lari dari rumah, rogol, seks bebas, kehamilan luar nikah serta pembuangan bayi yang kerap berlaku di kalangan remaja mengundang kebimbangan masyarakat sekali gus acap kali menghantui ibu bapa.

Seramai tiga ahli panel merangkumi Pegawai

Perubatan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Dr Hamizah Hasan; Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia (UPM), Dr Zainal Madon serta Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga Fakulti Ekologi Manusia (UPM), Prof Madya

Dr Rumaya Johari dijemput membincangkan isu 'Pergaulan Bebas dan Seks Sebelum Kahwin dalam Kalangan Remaja Masa Kini - Apa Penyelesaiannya?'

Forum dipengerusikan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Bangi, Mohd Khairul Afif Abd Majid yang bertindak sebagai moderator menetapkan sasaran objektif membincangkan isu seksualiti dan gejala sosial remaja, kesan dan akibat amalan hidup kurang sihat bagi memberi kesedaran kepada remaja.

Malah, antara lain tujuan program kerjasama dengan Fakulti Ekologi Manusia UPM itu adalah memberi maklumat yang betul dan jelas mengenai isu seksualiti kepada remaja sekali gus mendedahkan remaja mengenai kepentingan jati diri kuat dalam menghadapi cabaran hidup masa kini.

Desa berkata, berdasarkan

kajian, tiada sekatan dalam penyangan drama atau filem termasuk penyiaran pelbagai adegan panas, aksi bercium dan berpelukan bagi pasangan kekasih tanpa batasan mengundang perasaan ingin tahu dan mencuba yang tinggi dalam kalangan remaja sekali gus menyemarakkan aktiviti seksualiti remaja.

Beliau berkata, remaja biasanya gemar aksi lasak dan mencabar malah, suka mencuba sesuatu pengalaman baru sama ada secara sukarela atau akibat desakan dan cabaran rakan sebaya.

Sehubungan itu, remaja seharusnya menitikberatkan pengetahuan agama sebagai benteng sekali gus mengelak terjerumus dalam kancan permasalahan sosial berikutnya kajian menunjukkan bahawa kurang didikan agama menyebabkan remaja tidak dapat membezakan dosa dan pahala akibat mementingkan keseronokan semata-mata.